

28 JUN 2001

Suleiman-HIV

M'SIA ULANGI KEKECEWAAN DENGAN HALANGAN MENDAPATKAN UBAT MURAH BAGI HIV

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Malaysia mengulangi kekecewaannya terhadap halangan yang masih wujud hingga menyebabkan majoriti individu yang dijangkiti virus HIV sukar mendapat ubat-ubat penyelamat nyawa dengan murah.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Suleiman Mohamad berkata kemudahan memperolehi ubat-ubat itu tidak patut disekat oleh isu berkaitan perdagangan dan paten.

"Ketidaksamaan ini tidak adil dan tidak berperikemanusiaan," kata Dr Suleiman di sesi khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai HIV/AIDS di New York semalam.

Teks ucapan beliau dikeluarkan di sini hari ini.

Dr Suleiman berkata Malaysia berharap Deklarasi Komitmen mengenai HIV/AIDS yang akan dikeluarkan selepas sesi itu akan membetulkan ketidaksamaan itu supaya kematian akibat Aids dan kesannya terhadap keluarga dan masyarakat dapat dikurangkan.

Walaupun Malaysia bersetuju dengan deklarasi itu, ia kesal dengan perhatian tidak setimpal yang diberikan kepada rantau Asia dan Pasifik yang didiami oleh 60 peratus penduduk dunia.

"Walaupun masalah di Afrika serius, wabak yang akan melanda Asia dan Pasifik bakal mengatasi apa yang telah dilihat sebelum ini jika usaha tidak dilakukan sekarang," katanya.

Dr Sulaiman berkata atas inisiatif Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketua-ketua kerajaan Asean akan bertemu di Brunei pada November ini untuk membincangkan secara spesifik mengenai isu HIV/AIDS.

Lebih 40,000 kes HIV/AIDS dilaporkan di Malaysia sejak 1986 dengan 4,000 kematian. Sejak beberapa tahun lalu, kira-kira 4,000 orang dijangkiti setiap tahun.

-- BERNAMA

ZAI AFY MOZ